

29 FEB 1996

Salleh-Imigresen

PINDAAN PERLEMBAGAAN SABAH TIDAK LIBAT SOAL IMIGRESEN

PASIR MAS, 29 Feb (Bernama) -- Peraturan mengenai imigresen masih kekal dan tidak termasuk dalam cadangan pindaan Perlembagaan Negeri Sabah, kata Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak.

Katanya pindaan itu hanya menitikberatkan kuasa Ketua Menteri berhubung kelulusan lesen konsesi balak dan tanah yang mesti dirujuk kepada jemaah menteri terlebih dahulu.

"Bidang-bidang lain seperti Imigresen dan kerajaan tempatan masih diteruskan. Oleh itu, cadangan pindaan itu tidak sama sekali melanggar semangat penubuhan dan perjanjian Malaysia bahkan ia menguatkan lagi sistem dan tanggungjawab bersama memajukan Sabah," katanya kepada pemberita pada Majlis Aidilfitri anjuran UMNO Bahagian Pasri Mas di sini hari ini.

Kuasa Imigresen ialah antara perkara yang diminta oleh Sabah sebagai syarat menyertai gagasan Malaysia pada 1963. Ia menetapkan penggunaan pasport atau mengisi borang IMM 114 bagi rakyat Semenanjung untuk memasuki Sabah untuk tujuan sosial.

Permit kerja pula diperlukan bagi mereka dari luar Sabah yang bekerja di negeri itu.

Sebelum ini Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan mendakwa pindaan itu bertentangan dengan semangat perjanjian Malaysia dan beliau mengancam untuk membawa kes itu ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Salleh berkata rakyat akan diberi penjelasan berhubung pindaan itu bagi mengelakkan mereka dikelirukan oleh pembangkang yang mempunyai motif politik.

Mengenai kuasa Ketua Menteri Sabah yang dikatakan berlebihan, Salleh yang juga Ketua Perhubungan Umno Sabah berkata Peguam Sabah diarah berbincang dan bekerjasama dengan peguam persekutuan untuk membuat perbandingan dengan perlembagaan negeri-negeri lain.

"Pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga akan diambil kira sebelum pindaan dibuat," katanya.

Beliau juga menafikan desas desus kononnya pilihan raya negeri Sabah akan diadakan selepas pindaan perlembagaan itu dibuat.

"Soal itu tidak timbul sama sekali memandangkan tempoh bagi mengadakan pilihan aya masih panjang, tambahan pula tiada krisis besar yang berlaku," katanya.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa yang hadir pada majlis itu berkata kerajaan pusat meluluskan peruntukan sebanyak RM100 juta untuk melaksanakan pelbagai program pembangunan bagi faedah penduduk kampung di Sabah tahun ini.

Peruntukan itu diluluskan sebagai menunaikan janji Barisan Nasional sebelum memerintah Sabah, katanya.

"Rakyat Sabah kini mulai merasai hidup lebih selesa setelah berada di bawah sebuah kerajaan yang benar-benar mengambil berat tentang masa depan rakyat," kata beliau.

Annuar berkata Kelantan yang kini diperintah oleh parti pembangkang patut mencontohi Sabah jika ia mahu pembangunan yang lebih pesat dan setaraf dengan negeri-negeri lain. -- BERNAMA

WM MAI